

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

**JKP 312 - Politik Perbandingan**

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Jawab mana-mana **TIGA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberikan markah.

...2/-

1. Dengan disokong oleh data dari empat negara yang dikaji, bincangkan:
  - (a) Mengapa kajian perbandingan memerlukan satu landasan *teori* dan satu *fokus*?
  - (b) Apakah *teorinya*, dan nyatakan sumbangan besar empat orang pemikir yang dipilih dalam pembinaan teori tersebut?
  - (c) Apakah pula fokusnya dan berikan sebab ia dipilih?

(100 markah)
2. Aplikasi teori terhadap empat negara yang dipilih dipecahkannya kepada lima subtesis.
  - (a) Sebutkan kelima-lima subtesis tersebut.
  - (b) Pilih mana-mana satu subtesis dan huraikan aplikasinya terhadap empat negara tersebut

(100 markah)
3. 'Kapitalisme *kolonial* telah mencorak pembentukan kelas serta hubungan kaum, institusi pentadbiran awam dan gaya kepemimpinan politik di Malaysia'. Bincangkan.

(100 markah)
4. Mengapakah pengindustrian Rusia muncul melalui transformasi *komunis* tetapi pengindustrian England muncul melalui transformasi *kapitalis liberal*?

(100 markah)
5. 'Fasisme timbul di Jepun kerana pengindustriannya didominasi oleh kelas pembesar'. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

(100 markah)
6. "Ideologi politik, sama ada mirip pada *fasis*, *komunis* ataupun *liberal*, terbentuk *dalam* konfigurasi kelas yang berza-beza."

Dengan merujuk kepada data dari empat negara yang dikaji, huraikan pernyataan di atas.

(100 markah)